

Keindahan Bukit Broga jadi destinasi pelancongan-eko menarik di Selangor

Pelancongan berasaskan ekologi atau lebih dikenali pelancongan-eko semakin mendapat perhatian. Destinasi pelancongan-eko kerap dikunjungi kerana pelancongan ini menawarkan keindahan alam semula jadi.

Dengan menggiatkan aktiviti pelancongan-eko, kawasan hutan dapat dipulihara justeru dapat mengekalkan flora dan fauna untuk meningkatkan aktiviti ekonomi kepada masyarakat setempat.

Dari segi statistiknya, Malaysia adalah antara negara yang ada pelbagai kategori pelancongan-eko antaranya berasaskan tanah tinggi, hutan lipur, paya basah, pantai, taman laut, taman negara, gua dan sebagainya. Antara destinasi pelancongan-eko ialah Bukit Broga.

Bukit Broga kira-kira 7.1 kilometer dari pekan Semenyih. Bukit ini berpotensi dijadikan kawasan pelancongan-eko di Selangor kerana berhampiran bandar seperti Bandar Baru Bangi, Kajang dan Semenyih.

Selain didorong oleh perbelanjaan ke Bukit Broga yang murah kos lain seperti minyak dan kos meletak kereta perlu diambil kira. Dengan ketinggian 400 meter dari aras laut, Bukit Broga adalah permulaan pendakian sebelum mendaki ke Gunung Tok Wan yang berketinggian 675 meter (di ka-

wasan berdekatan).

Bukit Broga boleh dibangunkan sebagai kem bagi pendaki yang ingin menjalankan sesi latihan. Ini juga menjadi pendorong aktiviti pendakian yang berulang-kali di kawasan ini. Dengan wujudnya Gunung Tok Wan menyebabkan kawasan Bukit Broga seolah-olah menawarkan dua pendakian iaitu pendakian bukit dan pendakian gunung.

Keindahan Bukit Broga

Bukit Broga secara sendiri mampu menawarkan keindahan pelancongan-eko kepada pelancong. Dengan keindahan padang lalang yang dimilikinya di atas puncak bukit ini. Ini menjadikan ia juga terkenal dengan nama Bukit Lalang. Laluan ke Bukit Broga juga lebih mudah dan tidak ekstrem, menyebabkan kawasan pelancongan-eko ini sesuai untuk setiap peringkat umur.

Malahan tidak keterlaluan dikatakan seseorang yang berusia juga mampu untuk mendaki Bukit Broga ini. Selain itu, laluan juga dipermudahkan dengan penyediaan laluan lebih sistematik dan selamat. Beberapa NGO dan agensi tertentu turut membantu dalam membangunkan destinasi pelancongan-eko di Bukit Broga ini.

Waktu kemuncak kehadiran pe-

lancong di Bukit Broga boleh dirasakan ketika awal pagi dan petang. Pelancong boleh bersantai dan berehat selepas mendaki sambil menikmati keindahan alam yang ditawarkan. Pengudaraan yang nyaman kesan tiupan angin pasti menambah ketenangan. Dengan tarikan utama Bukit Broga iaitu panorama tenggelam atau terbitnya matahari pasti sukar ditemui di kawasan lain.

Hal ini menyebabkan kawasan itu seolah-olah menyambut kehadiran pelancong untuk menikmati keindahan terbit dan tenggelamnya matahari.

Kebersihan, keselamatan

Kawasan kaki Bukit Broga dikelilingi tanaman kelapa sawit milik penduduk tempatan yang dikawal rapi dari aspek kebersihan. Begitu juga dengan laluan ke puncak Bukit Broga.

Sebaliknya, dengan keindahan dan kebersihan pastinya Bukit Broga berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan-eko.

Prof Madya Dr Norlida Hanim Mohd Salleh & Muhammad Akwa Abdul Rahim,
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM

Pendakian ke Bukit Broga pasti mendamaikan kerana dapat menikmati keindahan alam semula jadi.